



BERBICARA TENTANG PERSENGKETAAN

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 24 JANUARI 1984

HASNADY ABDULLAH (MOHAMED NAIM DAUPI)

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar budiman.

Sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa hidup merupakan suatu perjuangan yang tidak ada habis-habisnya. Ia hanya akan berakhir bila kita menutup mata dan menghembuskan nafas yang akhir. Untuk melekatkan kehidupan kita ke suatu tahap yang sejahtera dan sempurna, kita memerlukan perjuangan yang murni, suci dan bersih, yakni ; kita harus membuat pelangkahannya yang bijaksana, kita harus membuat pergerakan yang jitu dan segala tindak-tanduk kita haruslah berkiblat kepada norma-norma kehidupan yang menjadi inspirasi kebanyakan orang.

Tetapi ; apakah perjuangan untuk membentuk dan mencipta kehidupan itu harus berlandaskan kepada perbalahan-perbalahan atau persengketaan antara manusia? Jawapan saya tentunya tidak. Perjuangan yang berlandaskan perbalahan dan persengketaan ini hanya akan menerbitkan pertarungan-pertarungan antara manusia dan akan menyeret manusia atau kelompok manusia ke dalam suasana kekecohan, penderitaan dan kekecewaan. Ia hanya akan melahirkan kepahitan-kepahitan dan kesengsaraan, ia hanya semakin menjelmakan rasa ketidakpuasan hati yang tidak ada kesudahan pada sekelompok manusia yang derita, kecewa, sengsara, tewas dan sebagainya.

Perbalahan, persengketaan dan pertarungan antara kelompok manusia mungkin terbit dari perbezaan ideologi ploitik, atau dari struktur sosial dan ekonomi yang merenggangkan hubungan sesama manusia, atau yang mungkin terbit dari soal maruah bangsa dan identiti, atau yang mungkin terbit dari perbezaan keyakinan dan kepercayaan atau yang mungkin terbit dari beberapa hal yang lain, semuanya akan mengakibatkan rasa ketidaksenangan hati yang melulu, rasa ketidakpuasan yang menjadi pemikiran dan rasa kerakusan atau ketamakan yang bakal mengetepikan prinsip-prinsip kemanusiaan yang sejati.

Sesungguhnya perbalahan atau persengketaan-persengketaan yang sehingga mencetuskan pembunuhan dan peperangan hanya akan membikin manusia semakin luka hatinya, hanya akan membikin manusia menyebut suara-suara sedih, hanya akan membikin



manusia melihat kegelapan-kegelapan hari dan hanya akan membikin manusia berlengah-lengah untuk mencapai kemajuan.

Apalah ertinya sebuah perjuangan hasil dari pertarungan begini? Sebenarnya ia tidak memberikan apa-apa, malah ia hanya akan menerbitkan pergeseran-pergeseran dalam perasaan dan pemikiran kita sahaja. Ia tidak akan berakhir setelah segalanya tercapai. Ia akan berterusan dan sentiasa menggelorakan hati setiap manusia atau kelompok manusia yang bersengketa itu.

Saudara-saudara pendengar :

Rancangan bicara puisi minggu ini kami mulakan dengan sorotan selintas ke atas empat kuntum puisi, hasil tulisan penulis-penulis setempat yang membicarakan hal perbalahan dan persengketaan manusia. Sorotan ke atas puisi-puisi tersebut merupakan sumbangan dari saudara Hasnady Abdullah. Semoga sumbangan saudara Hasnady Abdullah ini memanfaatkan kita.

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan. Salah sebuah puisi yang menyebut suasana perbalahan dan persengketaan kelompok-kelompok manusia ini kami temukan dalam ruangan Tunas Setaman, Berita Minggu bertarikh 31 Ogos 1980. Puisi tersebut bertajuk PERANG karya penulis muda ROS ATIKA.

Menerusi puisi PERANG ini, kita dapat melihat keluhan rasa ROS ATIKA dalam membuat gambaran suasana peperangan. Kita dapat melihat penulis merasakan betapa jahilnya manusia sehingga berbunuh-bunuh untuk kehidupan. Peperangan hanya akan meletakkan manusia dalam sedu sedan, betapa nafas, darah dan kehidupan menjadi begitu murah nilainya dan betapa hati, budi dan rohani menjadi begitu kelabu warnanya. Peperangan hanya akan menjadikan manusia berganas-ganas antara mereka. Peperangan akan menjadikan manusia saling berdukaan.

Walaupun puisi ROS ATIKA ini hanya menurunkan peristiwa peperangan semata-mata dan tidak dapat kita lihat penggalian yang mendalam mengenainya tetapi melalui puisi PERANG ini kita dapat merasakan jengkel hati ROS ATIKA mengenai peperangan. Sekarang hayatilah puisi beliau ini.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

Dalam satu kerlipan
dan dakapan darah
meniti kesimpulan
kepulan-kepulan api membara



Ah! anehnya
tubuh-tubuh kudus bertempiaran
sedu dan sedan
nafas, darah, nanah terus berbaur
..... matinya jua

Kini
hati,budi dan rohani
berdamba penuh sedan
tumpas bersama berjuang
senjata, keganasan nan melanda
ahai manusia.....

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar.
Peristiwa dunia hari ini yang mendapat simpati ramai ialah perbalahan antara manusia di AFGHANISTAN. Di sini erti kesentosaan telah pupus, erti kemanusiaan telah semakin kabur dan erti kedamaian telah lari menyimpang dari hati penduduk-penduduknya.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PETIKAN INI.

Hari ini kekasih berkabung
Ikan-ikan menyusur ke kelong
Merpati putih
Mati tergantung.

SOROTAN :

Demikianlah suara kesal seorang manusia yang begitu simpati dengan penduduk-penduduk AFGHANISTAN yang menangis pada kedamaian, yang merintih kepada kebenaran hidup. Suaran anak manusia ini begitu sayu merintih nasib orang-orang AFGHANISTAN yang diperkotak-katikkan oleh sekumpulan manusia yang rakus pada kekuasaan politik. Menurut beliau orang-orang AFGHANISTAN adalah mangsa politik kotor sekumpulan manusia yang inginkan ideologi politik mereka dimahkotakan. Untuk mencapai hasrat yang rakus dan menyongsangkan ini, sekumpulan manusia sanggup diperalatkan oleh suatu kuasa politik yang lebih besar yang mengambil kesempatan dari keruncingan ini. Baris-baris kata Warsaw menemui gunting dalam lipatan dan Mosko menguak ria dalam kebanggaan seperti yang terdapat dalam puisi beliau ini memperlihatkan tanggapan sebenar peristiwa yang melanda rakyat AFGHANISTAN ini.



Walau apapun rasa jengkel yang timbul dari rasa dan pemikiran beliau terhadap pengadudomba antara rakyat AFGHANISTAN ini kita mendapat kesan betapa sengsara, derita dan pedih pilu rakyat AFGHANISTAN ini.

Kudakap pusara hatimu
Dalam kegelapan yang menerangi kekinian
Anak-anak kecil bersenjatakan kesabaran
Berhadapan dengan kekerasan martul
Dan sabit lingkung tajam.

SOROTAN :

Malah kita juga mendapat kesan betapa saat-saat gelita yang menimpa rakyat AFGHANISTAN ini meleburkan pengertian kemanusiaan, menampilkan kekejaman demi kekejaman, menjadikan jiwa senantiasa tertikam, meletakkan takwa tersepit di antara tawakal dan kesangsian-kesangsian serta keimanan yang tercalar di antara kecekalan-kecekalan untuk menempatkan/ semula maruah bangsa di atas perundangan dengan survival menghadapi kehidupan yang begitu mengkocar-kacirkan. Sedang 'sabit lingkung tajam', 'warsaw' dan 'mosko' terus bertindak mengukuhkan ideologinya dan kerakusannya dengan kekuatan senjatanya, seperti apa yang diucapkan penulis ini : tuhan terus mengatur rencananya.

Saudara-saudara pendengar.

Sekarang hayatilah sepenuhnya puisi yang turut diberi nama AFGHANISTAN yang kami sedut dari akhbar Berita Minggu keluaran 13 April 1980 hasil garapan seorang penyair muda yang gigih ; ISA KAMARI

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

Sesejuk pisang muda
Kudakap pusara hatimu
Dalam kegelapan yang menerangi kekinian
Anak-anak kerdil bersenjatakan kesabaran
Berhadapan dengan kekerasan martul
Dan sabit lingkung tajam
Sedang dunia sedingin embun
Dalam getaran bibir yang bersuara
Nato seperti buih di lautan
Warsaw menemui gunting di dalam lipatan
Rumah putih seperti singa kesakitan
Mosko menguak ria dalam kebanggaan
Dan aku hanya mampu mengutus makmur
Dari kesuraman rahang kubur



istilah kemanusiaan yang telah lebur
ketika kebekuan menikam jiwanya
yang membikin hatiku cair
dalam suhu kekejaman yang tidak berakhir
di saat-saat gelita begini
di mana iman adalah di antara
kecekan dan pelarian
dan takwa
di antara tawakal dan kesangsian
bahawa tuhan sedang mengatur
rancananya.

hari ini kekasih berkabung
ikan-ikan menyusur ke kelong
merpati putih
mati tergantung.

SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar
Sebuah lagi puisi yang sempat berbicara tentang perang yang memberi kezabab dan kesengsaraan pada rohani dan jasmani manusia. Betapa peperangan menukar wajah ketenangan kepada kegusaran, kerumitan dan kepedihan. Betapa kemuraman dan kemurungan menyelembungi kehidupan manusia akibat perang memang sudah amat kita mengertikan. Tetapi melalui puisi BICARA ini termuat betapa adanya media massa yang semakin mengkecohkan peperangan itu sendiri. Betapa akhbar atau sebaran am semakin menggolakkan suasana yang memeritkan ini.

ARAHAN : DEKLAMSIKAN PETIKAN INI :

bicara perang
adalah biacara darah
yang tersibar
menjadi hitam dan kelabu
di dada akhbar

SOROTAN :

Melalui puisi BICARA ini juga kita diperlihatkan betapa penyairnya tidak meyakini peranan BANGSA-BANGSA BERSATU atau singkatannya pi bi bi yang menempatkan forum dunia berlangsung, betapa majlis keselamatannya sudah hilang peranannya dan lenyap kemertabatannya. Apatah lagi kepada kita yang tidak berupaya mendesak



peperangan itu berhenti jika dibandingkan dengan pi bi bi itu. Apatah lagi kita yang terus mencari kehidupan di dada kota yang panas berdebu tidak akan beres sempat memekik dan merayu supaya pengaliran darah itu berhenti jika dibandingkan dengan tugas saja berlangsung dan senjatalah yang akan banyak berbicara dari kepala, senjatalah yang banyak berbicara dari perundingan dan senjatalah yang bakal menentukan segalanya. Sedang kemanusiaan, perhubungan sesama manusia dan persamaan manusia sudah tidak menjadi suatu perbicaraan.

Dari ketidakupayaan itulah manusia kehilangan bicaranya sendiri dan dari longgarnya tanggungjawab sivik inilah menjadikan manusia semakin lemah, sementara sikap kerakusan sekelompok manusia lain untuk mencapai matlamat ideologinya menerusi peperangan terus saja bertakhta di mata, hati, otot dan fikiran manusia-manusia ini. Menerusi BICARA ini juga, penulisnya berjaya mengungkapkan betapa keluhuran dan kemurniaan yang berterap di dalam kepercayaan atau agama itu sudah tidak lagi menjadi pegangan manusia, sudah tenggelam dalam keserakahan dan kerakusan mereka sendiri. Seperti katanya :
sedangkan tuhan sendiri sudah lama
enggan bicara dari luar pintu syurga.

Saudara-saudara pendengar :
Sekarang ikutilah puisi BICARA ini hasil tulisan seorang penulis prolific kita
NORMANS.

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

bicara perang
adalah bicara darah
yang tersibar
menjadi hitam dan kelabu
di dada akhbar

seperti pi bi bi
kita di sini bisan bikin apa
selain memikul waktu
yang dikaburi debu dan daki kota

dan kerana hari ini
mereka jadikan dunia milik senjata
ke manakah harus dibawa suara manusia
sedang tuhan sendiri sudah lama
enggan bicara dari luar
pintu syurga.



SOROTAN :

Saudara-saudara pendengar

Demikianlah peperangan atau perbalahan senjata sesama manusia tidak sahaja menimpakan kezabahan dan kesengsaraan kepada fizikal manusia tetapi menghempap bathiniah manusia dengan segala macam kepahitan, kemuraman, kesengsaraan, kemurungan dan apa sahaja yang mendukacitakan. Peperangan sebenarnya dicituskan oleh manusia-manusia yang begitu jahil dengan pengertian kemanusiaan, kemakmuran bersama, keadilan dan kedamaian hidup. Peperangan sebenarnya dicituskan oleh manusia-manusia yang rakus, tamak dengan kekuasaan politik dan material.

Pada mata, hati dan fikiran mangsa-mangsa peperangan atau perbalahan senjata ini sentiasa berligar dengan keinginan untuk bertemu dengan kedamaian, keamanan dan kesentosaan. Manusia-manusia seperti yang disebut oleh penyair ISA KAMARI atau manusia-manusia seperti di Palestin, Kemboja, Vietnam, Afrika Selatan dan lain-lain lagi sentiasa merindui kehidupan yang riang, mesra, akrab dan aman.

Akhir kata terimalah sebuah puisi bertajuk KEAMANAN hasil tulisan Peter Augustine Goh yang mengisi kerinduan manusia-manusia yang tersepit oleh peperangan ini :

ARAHAN : DEKLAMASIKAN PUISI INI

mereka kata hargamu terlalu mahal
sombong dan amat kedekut
berzaman-zaman kau menjadi tuntutan hangat
rakus dikejar untuk ditiduri
di palestina
di vietnam
di afrika
ah, di mana-mana saja

mereka ghairah mahu memeluk tubuh berahimu
rindukan renungan durja manismu
dahagakan air telaga cintamu
hingga mereka sanggup mengangkat senjata
membunuh di setiap remang senja
kononnya darah yang membuak begini
menjanjikan bunga-bunga kedamaian hakiki
apakah ini harga tebusan daging diri
yang diketagihkan selalu ?

hingga di saat ini
namamu dirayu tanpa henti



mengharapkan kau bersarang di hati bumi
oh, aku sungguh tak mengerti
apakah kau sebenarnya sudah mati
di mana rohmu bisa bermain teka-teki
atas hargamu memang tak seimbang
di zaman inflasi?

ARAHAN :

PUTARKAN SEBUAH LAGU YANG SENIKATANYA MENGANDUNGI UNSUR
PUI SI SEBAGAI SELINGAN DALAM RANCANGAN INI.

ANN :

Saudara-saudara pendengar :

Pada minggu lalu, kita telah sama-sama diperderngarkan tentang puisi bukan sahaja menjadi dendangan seni manusia tetapi ramai antara kita mungkin menyedari bahawa kita juga meminta puisi mentafsirkan kehidupan kita, menghiburkan kita dan sekaligus memperteguhkan keperibadian kita. Tanpa puisi sains tidak akan lengkap, dan apa yang kita anggap sebagai agama dan filsafat dapat digantikan tempatnya dengan puisi, kerana puisi mempunyai nilai tersendiri, kerana puisi adalah usaha seniman untuk mengungkapkan kebenaran dan keindahan dalam bentuknya yang tersendiri. Puisi tidaklah menghiraukan apakah karya yang dihasilkan itu berjaya atau popular. Yang sangat-sangat diutamakan ialah puisi harus merupakan penjelmaan jiwa seseorang seniman.

Saudara-saudara pendengar :

Bagi mendengar lanjutan perbincangan mengenai perkara tersebut marilah kita ikuti bahagian kedua sudut pandangan saudara AZIZ FAKIR yang bertajuk TEKNIK PENYAMPAIAN SESEBUAH PUI SI.

SUDUT :

Saudara-saudara pendengar

Pernah juga orang mengatakan bahawa kesan suara dalam persajakan memainkan peranan penting untuk menyampaikan maksud tertentu di dalam sesebuah sajak. Dengan adanya kesan suara yang membangunkan rima dan irama sesebuah sajak ada kemungkinan sesebuah sajak yang pada mulanya dianggap sukar, akhirnya mudah dimengertikan. Sajak juga tidak dapat dipisahkan dari rasa keindahan. Rasa keindahan itu seringnya membawa minat pembaca untuk menyelami akan maksud dan isi sesebuah sajak. Jika sesebuah sajak itu tidak ada rasa keindahannya lagi, tak ubahlah itu dengan bangunan yang tersergam indah dan besar, tetapi tidak dibagikan dengan warna untuk menarik minat mata memandannya.



Suara kata sesebuah sajak sering ditemukan dengan pemusatan fikiran yang logik lagi rasional. Jika sesebuah sajak itu tidak logik untuk difikirkan apakah kesan suara kata yang membangun sesebuah sajak itu tidak bertautan rapat dengan pemusatan fikiran seorang penyair, maka sajak yang dihasilkan akan menemui kegagalan yang mutlak di dalam fungsinya untuk menyedarkan masyarakat audiensnya.

Dan seperkara lahi yang masih dihadapi di dalam dunia yang serba moden iaitu perkembangan pesat dari pergolakan sains dan teknologi. Dengan perasaan yang ghairah mengejar kebendaan, maka santapan rohani sudah jauh dilupakan oleh manusia hari ini. Kerana bagi mereka kekuatan jasmaniah yang telah mengubah corak hidup seseorang itu. Dengan itu, rohaniah tidak berguna lagi untuk dijadikan teras pemandu. Serupalah malam yang gelap dari sinaran cahaya bulan dan bintang, jika rohani sudah dipisahkan dari jasmani dalam masa menghadapi hidup sehari-harian.

Begitulah manusia hari ini. Kesusasteraan yang terlingkung di dalam teras kebudayaan semakin tersingkir dari masyarakat disebabkan manusia sekarang mementingkan realiti dan material. Sedangkan kesusasteraan menginginkan lemah lembut, kasih sayang, akal budi yang luhur juga perasaan yang kuat selain menguasai sesuatu bahasa itu agak mendalam untuk mengimbangkan jasmaniah dalam masa menghayati realiti hidup dan rohaniah, dalam masa menguasai cabang kesenian.

Apakah sebenarnya puisi ? puisi adalah alat penguacapan jiwa penyair untuk menyatakan perasaan dan pandangan hidupnya dalam erti kata yang tepat. Jadi dengan huraian ringkas itu, jelaslah dalam puisi soal isi, iaitu soal teknik penjiwaan dan jelmaan jiwa penyairnya atau penyajaknya. Sebab sudah terang kepandaian bersajak seperti pandai menyusun kata-kata yang elok, perumpamaan yang bagus, serta pemilihan ungkapan yang merdu-merdu didengar dari cuping telinga, sekalipun perkara ini penting bagi sebuah sajak, tetapi tidaklah ini bererti kepandaian serupa syarat mutlak untuk dapat dijadikan ukuran bagi sebuah ciptaan sajak itu bermutu tinggi.

Kepandaian-kepandaian tadi hanyalah teknik semata-mata, tidak lebih dan tidak kurang. Padahal sebuah hasil puisi yang dapat disebutkan ia bernilai tinggi di dalam terasa semacam pujangga, atau jelmaan jiwa penyairnya menyeluruh, dan menyegar dalam sajak ciptaannya itu. Kerana biar bagaimanapun penjiwaan atau jelmaan jiwa penyairnya itulah sekali dalam sesebuah ciptaan sajak. Jadi kalaulah kita mampu untuk menghasilkan sesebuah sajak, biarlah sajak itu mempunyai teknik atau bentuk yang menarik dalam persajakan. Dari segi isi pula semacam ada penjiwaan dan jelmaan kepujanggaanya, maka itu barulah penyorotan kita dapat disebut lengkap dan tidak berat sebelah.



Masuri S.N penyair produktif dewasa ini pernah menyatakan ‘kalaulah betul-betul kita hendak mengaggap puisi itu sebagai hasil atau salah satu cabang seni sastra yang mengisikan perbendaharaan dan nilai batin bangsa dan manusia, maka kita tidak bolehlah mengaggap bahawa puisi itu hanya dicapai untuk tujuan semata-mata dengan belajar semacam seorang yang ingin ahli dan pandai dalam lapangannya sahaja. Jika demikian kita menyamakan sahaja kepandaian bersajak serupalah dengan kepandaian bermain bola sepak, badminton, ragbi atau lain-lain. Ertinya di sini kita hanya menitikberatkan semata-mata dalam soal yang nampak dipandang tetapi tidak soal yang dapat diresmikan dan dirasakan dengan penuh pengertian dan pengendapan.’

Sebagai penutup dari esei ini ingin saya rumuskan bahawa sajak atau puisi yang lahir pada saat sekarang ini, yang lebih jelas dikatakan sebagai puisi moden lahir dari proses modenisasi yang bergerak dengan amat cepatnya. Urbanisasi memberi kebebasan yang luas kepada individu-individu serta masyarakat untuk melahirkan pendapat dan perasaannya. Tetapi di sebalik kebebasan yang diberikan itu ada pula tembok-tembok yang tidak jelas kelihatannya menghalang setiap kebebasan berfikir, bergerak yang sering dirasakan bahangnya oleh setiap warga penduduk. Maka dengan adanya kebebasan dan tembok itulah lahirnya para penyair dan sasterawan memperjuangkan setiap inci hidup ini dengan puisi dan segala macam karya kreatif dan sebagai pengakuan zaman itulah yang dinamakan ‘puisi moden’ sekarang.

Sekian, Saudara-saudara pendengar yang dihormati. Bahagian kedua bicara penulis mapan Aziz Fakir. Sehingga bertemu lagi, salam takzim kami; Bicara Puisi.....

